



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 28 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM BINCANG ISU BEKALAN KELAPA KURANG DI PASARAN, NASIONAL, SH - 8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	JUALAN KASIH KEDA MADANI TETAP LARIS WALAUPUN HUJAN, LOKAL, HM – 13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	PEKEBUN REDAH BANJIR PETIK TIMUN, DALAM NEGERI, UM - 34	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

KPKM bincang isu bekalan kelapa kurang di pasaran

SHAH ALAM - Satu pertemuan khas diadakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi membincangkan isu kekurangan bekalan kelapa di pasaran.

Pertemuan yang diadakan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur itu disertai oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Shamsul Akbar Sulaiman dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Nor Sam Alwi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kekurangan bekalan kelapa di pasaran sedang menjejaskan pengguna serta pemain industri yang bergantung kepada komoditi tersebut.

"Situasi ini memerlukan tindakan segera dan penyelesaian strategik untuk memastikan bekalan kelapa mencukupi terutamanya dalam menghadapi permintaan yang



Satu pertemuan khas diadakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi membincangkan isu kekurangan bekalan kelapa di pasaran.

meningkat menjelang musim perayaan.

"Saya mahu sinergi antara pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkepentingan bagi menangani isu ini secara menyeluruh," katanya menerusi laman Facebook pada Rabu.

Tambah beliau, kerajaan

sentiasa prihatin dengan masalah tersebut yang jelas akan menjejaskan rakyat.

"Insya-ALLAH, kerajaan akan mengambil langkah tegas bagi memastikan rakyat tidak terjejas akibat kekurangan bekalan kelapa di pasaran," ulasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	13

Jualan Kasih KEDA Madani tetap **laris** walaupun hujan

Orang ramai tak lepas peluang dapatkan 53 barangan dengan harga 30 peratus lebih murah

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

litra

Hujan sejak pagi tidak menghalang lebih 4,000 pengunjung menyebu program Jualan Kasih Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Madani 2024 bagi mendapatkan 53 barangan pada harga murah lebih 30 peratus di pekarangan Pusat Komuniti Desa (PKD) Napoh di sini, baru-baru ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, program dengan kerjasama Lembaga Pemasarkan Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah turut membuat jualan *combo sale* bernilai RM15 dan *happy hour* dengan harga RM10 bagi tiga barangan iaitu seekor ayam, minyak dan gula.

Katanya, jualan yang bermula jam 9 pagi hingga 12 tengah hari itu menawarkan barangan segar terus daripada pengusaha antaranya beras 10 kilogram dijual pada harga RM18.20 se-kampit, daging segar



TIMBALAN Pengurus Besar (Operasi) KEDA, Khairul Azmeer Abu Bakar (dua dari kiri) bersama Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Faisal Iswardi Ismail (dua dari kanan) selepas menandatangani MoU bagi Program Jualan Kasih KEDA MADANI.

RM26.60 sekilogram, barangan dapur termasuk bawang merah, bawang putih, ubi kentang dan cili kering dijual secara pakej RM10.

"Walaupun hujan pagi ini tapi rakyat tetap datang kerana hendak mendapatkan bekalan makanan pada harga yang murah seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran pada harga yang murah."

"Jualan hari ini merupakan rentetan sambutan baik dan luar biasa yang

diterima ketika pengantaraan di Ibu Pejabat KEDA Alor Setar, Sik dan Yan baru-baru ini, objektif kita adalah mahu membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat seterusnya mensejahterakan penduduk luar bandar."

"Jualan ini juga turut menjadi medium untuk mempromosi dan memasarkan produk 20 usahawan KEDA dan seterusnya meningkatkan pendapatan peniaga," katanya.

Beliau berkata demikian



ORANG ramai membeli buah-buahan yang dijual dengan harga murah.

RM10

Harga tiga barangan iaitu seekor ayam, minyak dan gula ketika *happy hour*.



Jualan ini juga turut menjadi medium mempromosi dan memasarkan produk 20 usahawan KEDA"

Jamil Khir

pada tahun depan dengan peruntukkan sebanyak RM150,000.

Katanya, tiga lokasi dirancang bagi mengadakan jualan berkenaan adalah di

daerah Kulim, Baling dan Padang Terap.

"Selain itu, kerjasama ini juga menjadi langkah strategik bagi KEDA untuk berhubung dengan FAMA dalam membuka peluang kepada usahawan KEDA khususnya dalam bidang pertanian untuk memasarkan produk mereka dengan sokongan dan kepakaran yang disediakan oleh FAMA."

"Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuhkan ekonomi usahawan luar bandar tetapi juga menyokong pembangunan sektor pertanian yang mampan di Kedah," katanya.



JAMIL Khir (dua dari kiri) menyampaikan barangan jualan yang dijual dengan harga murah kepada pengunjung pada Program Jualan Kasih KEDA Madani 2024 di pekarangan Pusat Komuniti Desa (PKD) Napoh, litra.

RAZALI Hamzah meredah air untuk memetik timun di kebunnya di Kampung Tersusun Rantau Panjang, Hulu Dungun, Dungun, semalam.

- IITISAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN